

## Lawatan Sambil Belajar Pegawai-pegawai Kanan Dari Biro Audit Kuwait

Jabatan Audit Negara telah menerima lawatan sambil belajar delegasi dari Biro Audit Kuwait pada 13 hingga 15 Mac 2012. Delegasi ini diketuai oleh En. Saad M. Qahtani dan diikuti oleh Pn. Ghadeer M. Al-Roumi, Pn. Ebtesam H. AlRefai, En. Ali H. Al-Azemi dan Pn. Ghada M. Al-Ajlan.

Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari kaedah pengauditan prestasi, pengauditan ICT, dan pengauditan pengurusan air. Selain itu, delegasi ini juga melawat Akademi Audit Negara untuk mendapat maklumat berkenaan kelengkapan serta program latihan yang dianjurkan. Delegasi tersebut juga berkongsi pengetahuan serta pengalaman berkenaan kaedah pengauditan di Biro Audit Kuwait semasa sesi perbincangan bersama penceramah-penceramah yang terdiri daripada pegawai-pegawai audit yang berpengalaman. Lawatan ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama Institusi Audit antara Jabatan Audit Negara dan Biro Audit Kuwait.

Delegasi juga diraikan oleh YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman, Timbalan Ketua Audit Negara (Sektor Negeri), wakil Ketua Audit Negara Malaysia dan pegawai-pegawai kanan untuk jamuan makan tengah hari di Marriot Putrajaya. Berbagai aktiviti lawatan telah diatur seperti lawatan sekitar Putrajaya dan Bandar Raya Kuala Lumpur termasuk Pasar Seni.



Sesi bergambar delegasi Biro Audit Kuwait bersama YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara (KAN) semasa kunjungan hormat di pejabat KAN.



YBhg. Tan Sri KAN menerima cenderahati daripada En. Saad M. Al-Qahtani, Ketua delegasi Biro Audit Kuwait



Sesi bergambar delegasi Biro Audit Kuwait bersama YBhg. Dato' Mustafa Bin Hj. Saman, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri) dan pegawai kanan Jabatan Audit Negara di Marriot Putrajaya.



Gambar berkumpulan delegasi Biro Audit Kuwait semasa lawatan ke Akademi Audit Negara